



## SIARAN MEDIA

### KPKT KOMITED REALISASI PEMAJUAN RUMAH MAMPU MILIK MELALUI PENYERAHAN SIMEN RAHMAH

---

**PUTRAJAYA, 1 Februari 2024** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA), serta pemaju perumahan swasta telah berjaya **menyerahkan kumpulan pertama Simen Rahmah** ke beberapa buah projek pembinaan di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kuala Krai, Kelantan baru-baru ini.

Inisiatif Simen Rahmah telah diumumkan pada bulan April tahun 2023 yang lalu sebagai langkah untuk mengurangkan beban kos pembangunan rumah mampu milik dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat. Inisiatif ini **melibatkan harga rumah dalam kategori rumah mampu milik iaitu yang berharga RM300,000.00 dan ke bawah** untuk kumpulan sasaran B40 dan M40.

Melalui kerjasama ini, C&CA telah menawarkan KPKT sebanyak **20 juta beg simen kampit standard 50 kilogram (bersamaan 1 juta tan metrik simen)** dengan **harga istimewa bagi simen pukal iaitu RM290 tan metrik daripada harga pasaran semasa iaitu RM410.00 per tan metrik**. Manakala bagi simen kampit pula ditawarkan dengan **RM17.50 sekampit iaitu perbezaan pengurangan sebanyak RM5.00 daripada pasaran semasa**. Ianya akan dibekalkan secara beransur-ansur sehingga 30 Jun 2028 dengan perbezaan harga ditanggung sepenuhnya oleh pengeluar simen. Hasilnya, rakyat akan menikmati pengurangan harga rumah sehingga RM5,000 ke atas pembelian bagi setiap unit rumah, bergantung kepada harga dan jenis rumah.

YB Tuan Nga Kor Ming berkata, "Pelaksanaan Inisiatif Simen Rahmah ini selari dengan visi agenda MADANI nasional iaitu menyumbang kepada penyediaan rumah mampu milik kepada golongan sasar kumpulan B40 dan M40."

C&CA turut mensasarkan agihan 20 juta beg simen dalam usaha membina 24,000 rumah mampu milik dan mengurangkan beban komitmen pinjaman perumahan bulanan rakyat melalui pengurangan harga rumah. Sumbangan besar subsidi berjumlah RM120 juta kepada bakal pembeli rumah ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat secara keseluruhan. KPKT menyeru kepada semua pemaju perumahan yang layak untuk menyertai Inisiatif Simen Rahmah melalui kelulusan permit iklan dan jualan perumahan melalui *Housing Integrated Management System* (HIMS) di bawah KPKT.

Kerajaan MADANI melalui KPKT bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif, berdaya huni dan mampu milik untuk rakyat. Justeru, Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan perumahan mampu milik bagi memastikan setiap rakyat mampu mendiami kediaman yang selesa, selamat dan berdaya huni.

#MalaysiaMadani  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

